

SH 19/1/2019 m/s 21

Dua bot nelayan asing ditahan curi gamat

PASIR PUTEH - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan menahan dua bot nelayan Vietnam yang melakukan aktiviti menangkap gamat di perairan negara, semalam.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, kedua bot itu ditahan pada jarak 42 dan 43.5 batu nautika dari Kuala Tok Bali dari jam 8 hingga 8.30 pagi.

Menurutnya, sebelum ditahan, salah satu bot cuba melarikan tetapi anggota operasi berjaya mengejarnya kira-kira 30 minit.

"Kita menahan sembilan nelayan warga Vietnam dari kedua-dua bot itu yang berusia dari 27 hingga 53 tahun kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot itu khusus untuk menangkap gamat dengan menggunakan tangguk besi yang dilarang di negara ini kerana ia memusnahkan kawasan pembiakan ikan," katanya dalam sidang media di Pejabat Maritim Kelantan di Tok Bali, semalam.

Ismail berkata, ketika membawa pulang dua bot berkenaan ke jeti Maritim di



Ismail (tengah) memeriksa nelayan Vietnam yang ditahan menceroboh perairan negara.

Tok Bali, pihaknya berdepan angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak setinggi 3.5 meter.

Menurutnya, terdapat kira-kira 50 kilogram gamat dalam kedua-dua bot berkenaan yang dijual antara RM10 hingga RM18 sekilogram.

"Nilai kedua-dua bot dengan hasil tangkapan dan peralatan menangkap gamat lebih RM800,000.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 16(1)(a) Akta Perikanan 1985. Jika disabitkan kesalahan, tekong atau pemilik bot boleh didenda tidak lebih RM1 juta dan awak-awak boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih dua tahun," katanya.

Beliau berkata, sejak Maritim beroperasi lewat 2006, sebanyak 258 bot nelayan asing ditahan di perairan Kelantan.